

**SIARAN AKHBAR**  
**YAYASAN KPRJ AMBIL BERAT SOAL ALAM SEKITAR**  
**DAN KESIHATAN MINDA**

**SIARAN SEGERA**

**KULAI, 16 Disember 2023 – Yayasan KPRJ (“YKPRJ”)** telah mengorak langkah yang lebih dinamik dan lestari dengan mengadakan Program Penanaman Pokok dan Kesihatan Minda di Hutan Bandar Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Bandar Putra Kulai. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Encik Fizwan bin Dato’ Haji Mohd Roshidi, Pegawai Daerah Kulai. Turut serta, Yang Berhormat Dato’ Lukman bin Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif KPRJ merangkap Pengerusi YKPRJ, Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kulai.

Program Penanaman Pokok ini adalah sebahagian daripada Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilaksanakan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Kempen selama lima tahun bermula daripada 2021 hingga 2025 ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga litupan hijau serta mendorong mereka terlibat aktif dalam memperbanyakkan pokok tanaman.

Program ini juga adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goal* - “SDG”) ke-11 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu Petempatan & Masyarakat Mampan terutamanya dalam penyediaan kawasan ruang hijau yang selamat, inklusif, boleh akses kepada orang awam. Disamping itu, program ini dilihat sebagai inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tatakelola (*Environment, Social and Governance* – “ESG”) yang turut menjadi teras utama Yayasan KPRJ.

Menurut Pengurus YKPRJ, Syahida Nafisa Jasmon, “Penganjuran program ini melibatkan penanaman sebanyak 150 anak pokok hutan, nadir dan buah-buahan dengan penglibatan lebih 300 peserta yang terdiri daripada wakil dan kakitangan jabatan dan agensi daripada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (“KPRJ”), Majlis Perbandaran Kulai (“MPKu”), Pejabat Daerah Kulai, Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan pengunjung Hutan Bandar MPKu, Bandar Putra Kulai”.

Selain aktiviti penanaman pokok, turut diadakan; Taklimat Penghijauan Malaysia oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Ceramah Kesihatan Minda- *Stress Management and Healing Our Way*, Ceramah *Go Green- Edible Garden at Home & Indoor Planting* serta Pemeriksaan Kesihatan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif KPRJ merangkap Pengerusi YKPRJ, Dato’ Lukman Abu Bakar berkata, “Saya berharap program ini akan menjadi permulaan untuk usaha-usaha lebih besar dalam pembangunan komuniti dan kelestarian alam sekitar. Dalam pada masa yang sama, pelan tindakan dan inisiatif alam sekitar seperti ini akan terus diperkukuhkan demi mencapai impian untuk masyarakat yang sejahtera dan alam sekitar yang lestari. Selain daripada memupuk kesedaran akan pentingnya alam sekitar, tidak dilupakan juga kepentingan tentang kesihatan minda dalam komuniti kita.”

Beliau menambah “Amalan gaya hidup sihat seperti aktiviti berjalan kaki dan senamrobik yang kita lakukan pada pagi ini, merupakan satu aktiviti yang baik pada kesihatan diri dan minda. Komuniti yang mempunyai kesihatan minda yang baik cenderung untuk berkembang secara positif. Kesihatan minda adalah aset berharga dalam pembinaan komuniti yang sejahtera”.

YKPRJ berharap agar program ini dapat diteruskan lagi ke masa akan datang dengan penglibatan lebih ramai penyertaan agensi kerajaan persekutuan/negeri, syarikat swasta dan badan korporat, badan bukan kerajaan, institusi-insitusi pendidikan/penyelidikan dan orang awam dalam usaha penanaman pokok dan kesedaran kesihatan minda.

Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) adalah rakan kolaborasi YKPRJ bagi program ini bersama rakan-rakan strategik yang lain seperti Pejabat Daerah Kulai, Pejabat Tanah Kulai, Pejabat Kadi Kulai, Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan KPJ Healthcare.

###

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Ainul Aziem Rahim**

Ketua Komunikasi Korporat  
Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.  
E: ainul.aziem@kprj.com.my  
M: +6014-7194418

**Mengenai Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.**

Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. ("KPRJ"), sebuah syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri Johor ditubuhkan sebagai syarikat sendirian berhad pada 8 November 1995. KPRJ telah membina reputasinya dengan menjalankan peranan sebagai pemaju projek sosial dan infrastruktur untuk rakyat Johor. Aktiviti utama KPRJ melalui anak syarikatnya merangkumi 5 sektor iaitu Kejuruteraan & Pembinaan, Pembangunan Hartanah & Penyelenggaraan Aset, Pembangunan Sukan, Ekonomi Digital dan Alam Sekitar.

KPRJ memainkan peranannya secara aktif sebagai pihak berkepentingan bagi mewakili Kerajaan Negeri Johor di dalam pembangunan Iskandar Malaysia. Bersandarkan kepada visi dan perancangan, KPRJ akan terus melaksanakan strategi-strategi yang membawa nilai-nilai baru bagi mendapat aspirasi dan kepercayaan kepada pihak yang berkepentingan.

**Mengenai Yayasan KPRJ**

Yayasan KPRJ ("YKPRJ") telah ditubuhkan oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd ("KPRJ") pada 03 Mei 2021 di bawah Akta Syarikat 2016 bertujuan sebagai medium menyalurkan inisiatif mensejahterakan rakyat melalui program-program Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR").

YKPRJ melaksanakan CSR yang memfokuskan kepada tiga (3) teras asas iaitu pembangunan komuniti, bantuan kemanusiaan dan sukarelawan serta alam sekitar. Pelbagai kaedah bantuan disalurkan oleh YKPRJ kepada masyarakat umumnya, dalam bentuk pembinaan kemudahan prasarana, bantuan kebajikan, majlis atau program keagamaan, khidmat masyarakat, misi kemanusiaan, pemuliharaan alam sekitar, kesenian, bantuan pendidikan dan lain-lain lagi dengan menggunakan dana yang diperolehi dari Ahli dan/atau pihak luar.